

Newspaper	Berita Harian
Date	18 May 2015

NAJIB JAWAB 13 ISU

PM perjelas dalam Twitter, blog

BH-18/5/2015

»*Isu Altantuya, 1MDB, EPU antara dakwaan diberi penjelasan secara panjang lebar*

b Kuala Lumpur

Datuk Seri Najib Razak menyenaraikan 13 isu sebagai jawapan kepada tuduhan terhadap beliau dan kerajaan, termasuk kes Altantuya Sharibuu dan IMalaysia Development Berhad (IMDB).

Perdana Menteri yang memberi penjelasan itu dalam Twitter dan blog *NajibRa-*

zak.com secara soalan lazim (FAQ) menyatakan: "Saya telah meluangkan masa untuk melihat pelbagai soalan dan isu yang dibangkitkan oleh beberapa pihak dan telah menulis pendapat saya mengenainya."

"Orang ramai perlu mengambil kira bahawa dalam politik, banyak isu yang kerap dimainkan, dan ini (Altantuya) adalah satu daripadanya."

Mengenai kes Altantuya, Najib berkata tidak adil untuk memaksa beliau membuka semula siasatan, sedangkan kes sudah disiasat, dibicara dan diselesaikan di Mahkamah Persekutuan dan sewajarnya keputusan mahkamah adalah pengakhirannya.

"Saya tidak terbabit dan tidak tahu apa-apa mengenainya. Mahkamah telah mendapati siapa yang bersalah atas pembu-

if
Saya telah meluangkan masa untuk melihat pelbagai soalan dan isu yang dibangkitkan oleh beberapa pihak dan telah menulis pendapat saya mengenainya"

*Najib Razak,
Perdana Menteri*

nuhan itu. Itu seharusnya menjadi pengakhiran cerita.

Penghakiman beri keadilan

"Justeru, mengapa kita mendengar pula individu yang ketenangan mereka sudah diberikan dan yang didapati bersalah melakukan jenayah itu? Apa yang penting, penghakiman memberikan keadilan kepada seriuu, paling penting kepada keluarga mangsa, terhadap tertuduh dan malah kepada saya," katanya.

Berhubung IMDB, beliau berkata tidak adil untuk ahli politik tertentu mensabitkan kerajaan di 'mahkamah pendapat umum' sebelum fakta sebenar dibentangkan oleh pihak berkuasa, khususnya Ketua Audit Negara dan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC).

Mengenai dakwaan beliau me-

ngabaikan Unit Perancang Ekonomi (EPU) dengan menubuhkan sebuah agensi baharu untuk merancang pembangunan negara, Perdana Menteri berkata:

"Saya menubuhkan PEMANDU sebagai badan menyelia program transformasi yang merangkumi aspek ekonomi bukan saja di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP), tetapi aspek bukan ekonomi di bawah Program Transformasi Kerajaan (GTP).

"Bertentangan dengan sesetengah perkara yang dibangkitkan, saya meletakkan kepentingan besar dalam EPU kerana ia penting bagi memastikan kejayaan ETP. Saya juga melantik seorang Ketua Pegawai Eksekutif yang paling berkelayakan di negara ini untuk mengetuai EPU," katanya.